

**TEKS UCAPAN**  
**Y.BHG. PROF. DR. RAHA ABDUL RAHIM**  
**NAIB CANCELOR UTeM**

---

**MAJLIS PENUTUP DAN PENYAMPAIAN HADIAH KEJOHANAN SUKAN**  
**ANTARA FAKULTI KALI KE-14 2019**

*5 Oktober 2019 (Ahad) | Dewan Sukan, UTeM | 3.00 petang*

Terima Kasih Saudara Pengacara Majlis.

**YBhg. Prof. Madya Dr. Nurul Fajar bin Abd Manap**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

**Penolong-Penolong Naib Canselor, Dekan-dekan Fakulti,  
Timbalan-timbalan Dekan Pembangunan Pelajar Fakulti**

**Yang Berusaha Dr. Rosli bin Saadan**  
Pengarah, Pusat Sukan

**Saudara Muhammad Haziq bin Mazilan**  
Pengarah Kejohanan Sukan Antara Fakulti Ke-14, 2019

Para Pegawai Pusat Sukan, Majlis Perwakilan Pelajar, Barisan Urusetia dan Sukarelawan Kejohanan, Pengurus-Pengurus Pasukan Dan Para Atlet Kejohanan Sukan Antara Fakulti 2019.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh, Salam Sejahtera  
Salam Melaka Berwibawa, Pintar, Hijau, Bersih

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadiran Allah SWT kerana diatas limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama berkumpul pada petang ini bersempena Majlis Penutup Sukan Antara Fakulti kali ke 14 bagi tahun 2019.

2. Saya berasa amat gembira kerana pada petang ini saya dapat menyaksikan ramai mahasiswa dan mahasiswi UTeM dari semua fakulti, dapat meluangkan masa untuk bersama-sama memberikan sokongan kepada rakan-rakan dari fakulti masing-masing.
3. Inilah semangat kesukanan yang kita mahukan dari setiap warga UTeM. Apa yang diharapkan, semangat ini dapat dikekalkan supaya nikmat kekeluargaan, keharmonian dan perpaduan sesama kita yang hadir dari latar belakang yang berbeza, terus tersemai di Universiti tercinta ini.
4. Semestinya *moment* pada hari ini semestinya akan meninggalkan kenangan terindah dalam kehidupan saudara

dan saudari semasa berada di kampus, sepanjang pengajian di UTeM. “Good times come and go, but the memories will last forever”.

### **Saudara dan Saudari sekalian,**

5. Sukan Antara Fakulti yang menjadi acara tahunan ini pastinya amat dinanti-nantikan oleh semua warga fakulti. Kejohanan seperti ini merupakan wadah untuk memupuk budaya bersukan di kalangan mahasiswa dan mahasiswi.
6. Pendedahan seperti ini perlu dilaksanakan berterusan supaya impaknya nanti dikecapi dan seterusnya dapat meningkatkan kesihatan dan kualiti kehidupan serta melahirkan pelajar

mahupun graduan yang berpotensi, holistik dan seimbang sama ada dalam bidang akademik mahupun bukan akademik.

7. Sesungguhnya, akal yang sihat hadir daripada badan yang cergas. Kata-kata ini membuktikan betapa pentingnya aturan hidup disulami dengan aktiviti sukan yang akhirnya akan mengharmonikan setiap perjalanan hidup seseorang itu.
  
8. Saya juga melihat bahawa SAF bukan sahaja dapat menguji kekuatan mental dan fizikal, malah dapat memupuk sifat kerjasama, yang dapat mengeratkan silaturahim antara pelajar daripada fakulti yang berbeza.

## **Saudara dan saudari sekalian,**

9. Kejohanan ini merupakan landasan terbaik kepada mahasiswa dalam mencungkil bakat-bakat baru untuk diketengahkan dan mewakili Universiti dan seterusnya mengharumkan nama UTeM di peringkat yang lebih tinggi.
10. Alhamdulillah, sehingga kini pelbagai kejayaan sukan telah diraih oleh siswa dan siswi UTeM di dalam acara sukan peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa, antaranya:
  - i. Saudara Muhammad Amiruddin bin Azman dari FKE yang mewakili Team Malaysia ke Thailand Princess Cup

Archery Tournament 2019, Bangkok Thailand dan berjaya menempatkan diri di dalam Kelompok 25 Terbaik.

- ii. Saudara Hamdanwahid Bin Rinaldi dari FKP pula telah Mewakili Team Malaysia ke 14th Asean Taekwondo Federation Championships, Manila, Philippines dan membawa pulang Pingat Gangsa, juga mewakili Team Malaysia ke Kategori Sparring 11th Kasetsart



Taekwondo Championships, Bangkok, Thailand dan membawa pulang Pingat Gangsa. Lebih membanggakan, beliau turut mewakili Team Malaysia ke Kejohanan Sukan Universiti Dunia (UNIVERSIADE), Napoli, Italy dan membawa pulang Pingat Gangsa tunggal buat Kontingen Malaysia.

11. Selain daripada itu, siswa UTeM turut cemerlang dalam XPAX Kejohanan E-Sukan Kampus 2019 yang berjaya menduduki tempat Kedua dan Ketiga Acara Dota 2, tempat Pertama Acara PES2019 serta tempat Pertama dan Mewakili Zon Selatan bagi Acara Mobile Legends : Bang Bang

12. Manakala, pencapaian dalam Karnival Sukan MASUM, UTeM telah mengutip 2 Emas, 6 Perak, 6 Gangsa dari Sukan Petanque, Taekwondo, Bola Keranjang, Olahraga dan Catur Berpasukan.
13. Selain itu, kontijen UTeM turut meraih 1 Emas, 5 Perak dan 2 Gangsa bagi acara Rowing dalam Sukan Air MASUM Rowing dan Kayak yang berlangsung pada Ogos lepas.
14. Tahniah diucapkan.

**Saudara dan saudari sekalian,**

15. Pihak universiti sentiasa menyokong usaha-usaha yang dilakukan oleh Pusat Sukan UTeM, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Majlis Perwakilan Pelajar dalam membawa anjakan kepada pembangunan sukan di UTeM yang lebih cemerlang.
16. Saya berharap dekan-dekan fakulti terus memberi sokongan penuh kepada atlet mereka yang mewakili fakulti masing-masing di kejohanan ini samada dalam bentuk sokongan moral, kewangan dan penglibatan dari para pensyarah fakulti sendiri. Binalah kecemerlangan dalam bidang sukan ini, moga lebih banyak kejayaan akan diraih pada masa akan datang.

17. Diharapkan semangat kesukanan ini diteruskan sehingga keakhirnya, demi mencipta lebih banyak kejayaan dan kecemerlangan UTeM yang kita cintai ini.

Bunga kempoja di atas meja,  
Harum semerbak di atas dulang,  
S.A.F. membentuk semangat waja,  
Memperkasa siswa, UTeM gemilang.

Sekian, terima kasih.